

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : MASALAH PENYELENGARAAN TASIK COVA DI PJU 3

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan dan tindakan yang telah ,sedang dan akan dilakukan untuk menangani masalah Tasik Cova yang mendatangkan suasana yang tidak selesa kepada penduduk sekitar?

JAWAPAN:

- a) Terkini isu Tasik Cova sedang didalam tindakan pihak JPS menyediakan kertas untuk diangkat ke MTES bagi mendapatkan halatuju dan keputusan mengenai pertikaian status tapak tersebut. Pihak Majlis akan memberi kerjasama kepada JPS dalam apa juga perkara yang diputuskan oleh MTES kelak. Pada masa ini pihak Majlis melaksanakan pemotongan rumput secara berkala untuk memastikan kebersihan tapak terkawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan senarai Projek Rumah Selangorku yang telah dan akan dibina mengikut daerah?
- b) Adakah terdapat Projek Rumah Selangorku yang telah dibatalkan pembinaannya? Senaraikan.
- c) Apakah Kerajaan Negeri bercadang meningkatkan jumlah pembinaan rumah Selangorku jenis A di kawasan luar bandar?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya sebanyak **104,680** unit Rumah Selangorku (RSKU) **telah diluluskan** oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerjaan Negeri sehingga 15 Ogos 2018. Sehingga 15 Ogos 2018, sebanyak **3,770** unit RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci. Manakala sebanyak **24,869** unit RSKU sedang dalam pembinaan. Perinciannya mengikut tahun kelulusan MMKN adalah seperti berikut :-

TAHUN KELULUSAN MMKN	BIL PROJEK	SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	DALAM PERANCANGAN
2014	37 (15,135)	12 (2,738)	9 (6,858)	16 (5,683)
2015	75 (41,674)	5 (1,014)	19 (11,864)	51 (28,796)
2016	34 (18,924)	1 (12)	5 (3,361)	28 (15,551)

TAHUN KELULUSAN MMKN	BIL PROJEK	SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	DALAM PERANCANGAN
2017	45 (25,188)	1 (6)	2 (2,786)	42 (22,396)
2018	13 (3,565)	-	-	13 (3,565)
JUMLAH	204 (104,630)	19 (3,770)	35 (24,869)	150 (75,991)

Perinciannya bilangan unit mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut :-

TAHUN	BIL PROJEK	SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	DALAM PERANCANGAN
MBSA	24	2	2	20
MBPJ	3	-	1	2
MPAJ	6	1	-	5
MPSJ	16	1	3	12
MPK	17	3	4	10
MPKj	50	5	7	38
MPSp	31	3	7	21
MPS	22	-	1	21
MDSB	2	-	1	1
MDKS	19	2	6	11
MDKL	6	-	2	4
MDHS	8	2	1	5

JUMLAH	204	19	35	150
---------------	------------	-----------	-----------	------------

Senarai projek dan perinciannya mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Lampiran 1**.

- b) Berdasarkan rekod dan semakan di lapangan, terdapat 9 projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh MMKN tetapi sehingga kini masih gagal untuk memulakan pembinaan Rumah Selangorku di tapak dalam tempoh masa 2 tahun seperti mana yang telah disyaratkan oleh Kerajaan Negeri.

Senarai nama projek dan nama pemaju yang terlibat dengan penarikan balik kelulusan MMKN bagi pembinaan Rumah Selangorku adalah seperti berikut:-

No	Pemaju	Lokasi Projek
1	Angkasa Indah Sdn Bhd	Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 17395 Lot 64681, Jalan PJS 9/1, PJS 9, Bandar Sunway, Subang Jaya, Mukim Damansara Daerah Petaling.
2	Valiant Plus Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 11847 Lot 83949 Mukim Klang, Daerah Klang.
3	D-Hill Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas GRN 49797 Lot 942 Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat
4	Sanjung Segar Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas Hakmilik HS(D) 67904 PT 3868 Dan HS(D) 67905 PT 3869 Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak.
5	Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. (YKT Lands Sdn. Bhd.)	Cadangan Rumah Selangorku di atas No Hakmilik PN 93260 Lot 23124
6	K.Y.K Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas HSD 134053 PT 69154 (sebahagian Lot asal 8597 Dan Lot 8598, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.
7	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik PM 854 GRN 54445 Lot 1048 dan sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak
8	Famemont Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik HSM 725 Lot 3622 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.
9	Hua Yang Berhad (Pemaju Asal Regal Form Sdn. Bhd.)	Cadangan Rumah Selangorku di atas HS(D) 154349 PT 74041, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat

Penarikan balik kelulusan ini bermaksud pihak pemaju perlu mematuhi syarat kelulusan terdahulu sepertimana dasar terdahulu iaitu dasar perumahan yang dinyatakan di dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bil.3/2006.

Walau bagaimanapun, terdapat di antara pemaju di atas telah mengemukakan rayuan kepada Kerajaan Negeri untuk meneruskan pelaksanaan projek tersebut. Permohonan rayuan tersebut sedang dikaji dengan teliti sebelum ia dibawa semula untuk pertimbangan MMKN.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa mengenal pasti keperluan perumahan rumah mampu milik bagi golongan sasaran khususnya permohonan daripada golongan B40 & M40. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dasar yang dikenali sebagai Dasar Rumah Selangorku yang mana ianya mensyaratkan agar pemaju perumahan membina Rumah Selangorku di kawasan luar bandar.

Secara dasarnya, kawasan luar bandar adalah dikategorikan sebagai kawasan Zon 3 yang mana sebarang pembangunan kediaman di atas tanah yang berkeluasan 50 ekar dan keatas adalah dikenakan syarat untuk dibina sebanyak 10% Rumah Selangorku Jenis A. Rumah-rumah tersebut adalah diwajibkan untuk dibina secara bertanah (Teres/Rumah Bandar).

Kawasan luar bandar yang dikategorikan sebagai Zon 3 adalah seperti jadual berikut:-

Bil.	Daerah	Mukim / Kawasan
1.	Kuala Selangor	Mukim Pasangan, Tanjung Karang dan Hulu Tinggi
2.	Hulu Selangor	Keseluruhan Daerah Hulu Selangor
3.	Sabak Bernam	Keseluruhan Daerah Sabak Bernam

Untuk makluman Yang Berhormat, sebarang pembinaan kediaman di atas tanah 5 ekar dan keatas di kawasan bandar (Zon 1) adalah disyaratkan penyediaan Rumah Selangorku Jenis A sekurang-kurangnya 10%. Manakala bagi kawasan "sub-urban" (Zon 2) penyediaan Rumah Selangorku jenis A adalah disyaratkan bagi tanah 20 ekar dan keatas. Rumah-rumah tersebut dibenarkan untuk dibina secara bertingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Lanjutan daripada cadangan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak di agensi-agensi Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor menyokong penuh penubuhan TASKA Di Tempat Kerja selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 1989 yang menyatakan bahawa Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengadakan kemudahan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak sekiranya sesuai.

Sehingga Julai 2018, sejumlah 31 buah Taska Di Tempat Kerja (Awam) di negeri Selangor telah berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1984.

Penubuhan TASKA Di Tempat Kerja memerlukan pihak majikan memperuntukkan ruang dan sejumlah kos bagi penubuhan TASKA Di Tempat Kerja. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga telah memutuskan untuk mengadakan sesi taklimat kepada Jabatan Kerajaan Negeri, Jabatan Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan anak syarikat Kerajaan Negeri berkenaan Akta TASKA 1984 dan penubuhan TASKA Di Tempat Kerja sebagai satu usaha menjelaskan dan menggalakkan penubuhan TASKA Di Tempat Kerja di agensi masing-masing.

Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor dengan Kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor juga telah menganjurkan Program Jom Daftar TASKA dan Kempen "Sayangi Anak, Kenali Pengasuh" pada 19 Ogos 2018 sebagai salah satu usaha untuk menggiatkan pendaftaran taska dan sekaligus mempromosi penubuhan TASKA termasuk TASKA Di Tempat Kerja mengikut peruntukan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

**SENARAI TASKA DI TEMPAT KERJA MENGIKUT KATEGORI KERAJAAN
NEGERI / PERSEKUTUAN**

BIL.	NAMA TASKA	DAERAH
1.	Taska Majlis Peperiksaan Malaysia	Gombak
2.	Genius Kiddos Childcare Centre	Gombak
3.	Taska Murni	Gombak
4.	Taska Educare Permata UIAM	Gombak
5.	Taska UIA (Pusat Asasi UIAM)	Gombak
6.	Taska Qiyahah	Gombak
7.	Taska Aura Mawadah HOAG	Gombak
8.	Comel Child Care Centre	Hulu Langat
9.	Taska Pok Amai- Amai Hasil (APM)	Hulu Langat
10.	Taska Vonad	Hulu Langat
11.	Taska Balqis	Hulu Selangor
12.	Taska Adhwaa (JTK)	Kuala Langat
13.	Taska Kolej Matrikulasi Selangor	Kuala Selangor
14.	Taska Celik Dinamik	Kuala Selangor
15.	Taska Cahaya Mata Angkasa	Petaling
16.	Taska SUK Negeri Selangor	Petaling
17.	Taska Impian Cemerlang (UITM)	Petaling
18.	Taska Haslinda	Petaling
19.	Taska Permata Sirim Berhad	Petaling
20.	Taska Permata Bonda SKMS	Petaling
21.	Taska Si Comel Cerdik (MBSA)	Petaling

BIL.	NAMA TASKA	DAERAH
22.	TASKA Permata PKPS (Jabatan Pertanian)	Petaling
23.	Taska Cahaya Mata (TCM) Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad	Petaling
24.	Taska MPSJ USJ 3	Petaling
25.	Taska MPSJ Permata Sari	Petaling
26.	Taska Ceria Cerdas (UPM)	Petaling
27.	Taska MBPJ	Petaling
28.	Taska Permata SIRIM	Petaling
29.	Taska MPSJ Permata Sari	Petaling
30.	Taska Mutiara PKNS	Petaling
31.	Taska Inspen (Jabatan Kewangan)	Selangor
32.	Taska Pok Amai- Amai Hasil (LHDN)	Selangor
33.	AADK Kids Child Care Centre	Selangor
34.	Kidsville MP Selangor Child Care Centre	Selangor
35.	Taska Kasih Cahaya Permata MPOB (PORIM)	Selangor
36.	Taska Warga Infra	Selangor
37.	Taska De Sayang (hospital Serdang)	Selangor
38.	Taska UNITEN	Selangor
39.	Taska Cerdik Bestari (AADK)	Selangor
40.	Taska Inklusif PLPP	Selangor
41.	Taska ILIM	Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KESELAMATAN DAN JENAYAH

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha terbaru Kerajaan Negeri dalam menjamin keselamatan penduduk-penduduk Selangor di kawasan awam dan perumahan?
- b) Memandangkan kadar jenayah membimbangkan, adakah Kerajaan Negeri akan menambah infrastuktur-infrastruktur seperti lampu dan CCTV bagi membantu situasi ini? Sekiranya ya, berapakah bajetnya untuk setiap DUN?

JAWAPAN:

- a) Usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam mengurangkan jenayah dan menimbulkan rasa selamat kepada penduduk setempat adalah dengan menyediakan elemen bandar selamat di kawasan *hotspot* jenayah. PBT Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Bandar Selamat, Local Agenda (LA21) dan Pembangunan Mampan, di mana keanggotaannya terdiri daripada pihak Polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Keselamatan Jalan raya (JKJR), Jabatan Pendidikan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan lain-lain agensi yang terlibat secara langsung dalam bidang keselamatan.

Melalui jawatankuasa ini, pelbagai pelan tindakan yang mengambil kira aspek pencegahan jenayah dan pengawasan keselamatan fizikal dan sosial seperti pemasangan CCTV, projek pencahayaan, pemasangan papan tanda peringatan keselamatan, penyediaan cermin keselamatan dan penyediaan rel penghadang di laluan pejalan kaki bagi mengatasi masalah ragut dan amalan rekabentuk CPTED (Crime Prevention Through Environmental Design) semasa peringkat rekabentuk dan pembangunan baru.

- b) Penambahan infrastruktur bagi mengatasi masalah jenayah adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada. Melalui Belanjawan Negeri Selangor 2018, Kerajaan Negeri mencadangkan supaya semua PBT memperuntukkan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada keseluruhan rezab tunai bersih untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas dan awam yang lain seperti

memasang CCTV di kawasan-kawasan *hotspot* sebagai usaha untuk memantau dan menjamin keselamatan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : JALAN-JALAN PERSEKUTUAN DI DAERAH KUALA LANGAT

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) JKR Kuala Langat menghadapi kesuntukan peruntukan untuk menjadikan Jalan Persekutuan No. 5 (Jalan Klang – Banting - Sepang) dan Jalan Persekutuan No. 31 (Jalan Banting – Semenyih) lebih terang pada malam. Apakah tindakan yang diambil Kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Pihak JKR Selangor telah memohon peruntukan sebanyak RM1 juta daripada Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), Ibu Pejabat JKR Malaysia pada tahun 2018 untuk dilaksanakan pada tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KETIDAKPATUHAN SYARAT LESEN TRED, PERNIAGAAN,
PERINDUSTRIAN**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Samada terdapatnya kesediaan untuk meningkatkan jumlah kompaun atas tred, perindustrian dan perniagaan yang melanggar syarat lesen, terutamanya syarat-syarat kebersihan?
- b) Samada terdapatnya kesediaan untuk mempertimbang hukuman "*community service*" atas mereka yang melanggar syarat kebersihan lesen, seperti apa yang dilakukan di Singapura?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, kadar kompaun sedia ada di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian 2013 adalah tidak melebihi RM1,000.00 bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu. Sebarang kenaikan kadar kompaun adalah bergantung kepada pindaan kepada jumlah denda di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang mana ianya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.
- b) Penalti am di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil (UUK) 2007 hanya memperuntukkan denda dan penjara sebagai hukuman dan juga kuasa mengkompaun kepada PBT serta tidak dinyatakan '*community service*' sebagai salah satu hukuman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : HUKUMAN KEPADA PESALAH MEMBUANG SAMPAH HARAM

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain dari denda berbentuk kompaun, adakah Kerajaan bersedia untuk mengenakan denda khidmat komuniti membersihkan kawasan sekitar kepada pesalah membuang sampah haram?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT tidak pernah mengenakan denda khidmat komuniti membersihkan kawasan sekitar kepada pesalah bagi kesalahan membuang sampah haram kerana tiada peruntukan undang-undang berkaitan hukuman tersebut selain Penalti Am di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil (UUK) Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap Tahun 2007. Undang-Undang sedia ada ini hanya memperuntukkan denda dan penjara sebagai hukuman serta kuasa mengkompaun kepada PBT. Sekiranya terdapat keperluan untuk menjalankan denda khidmat komuniti ini, UUK sedia ada perlu dipinda termasuklah Akta 171 yang mana merupakan kuasa Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KESIHATAN MENTAL

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak daripada peruntukan RM1 juta untuk kesihatan mental telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Apakah jenis program yang telah dilaksanakan di bawah subsidi kesihatan mental ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Bermula tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM1 juta untuk pelaksanaan program bagi menangani isu kesihatan mental. Sebahagian daripada peruntukan tersebut akan digunakan untuk melaksanakan program-program kaunseling secara kumpulan atau individu yang dirancang untuk diadakan pada bulan September. Program ini merangkumi pelbagai jenis isu seperti isu kekeluargaan, kerjaya, kewangan, personaliti dan perhubungan sesama masyarakat. Program mendekati golongan sasar tersebut akan dikendalikan oleh petugas yang merupakan seorang Kaunselor Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dan tertakluk dengan segala peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta Kaunselor 1998.

Selain itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan kemudahan sesi kaunseling melalui maya di mana masyarakat boleh berkongsi masalah serta mendapatkan nasihat tanpa perlu bersemuka dengan kaunselor. Melalui kaedah ini, Individu yang mengalami tekanan atau kemurungan tidak lagi berasa malu untuk berkongsi dengan pihak kaunselor. Perkongsian melalui panggilan telefon juga lebih memudahkan untuk mereka meluahkan masalah tanpa rasa malu.

Kerajaan Negeri juga membuka peluang kepada organisasi bukan kerajaan untuk turut serta dalam bersama-sama menjayakan kempen-kempen ke arah mengurangkan kadar penyakit mental terutama kepada rakyat negeri Selangor.

Cabaran melaksanakan program kesihatan mental adalah untuk mengenalpasti individu yang mempunyai tanda-tanda ke arah penyakit mental kerana ianya lebih bersifat dalaman. Pesakit tidak akan menunjukkan simptom awal dan hanya dapat dikesan apabila berada di satu tahap yang memerlukan rawatan. Sehubungan itu, program yang dirancang perlulah bersifat holistik dan menyeluruh agar dapat mengurangkan kadar penyakit mental pada masa akan datang. Seperti yang diketahui umum, kaunseling didapati terbukti dalam membantu individu mengurangkan tekanan dan seterusnya mengelakkan diri dari mendapat penyakit mental kelak.

Pada masa ini melalui Pusat Kaunseling Selangor, Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan kaunseling melalui panggilan telefon mahupun temujanji bersemuka di beberapa pusat seperti di PKNS Shah Alam, di bangunan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Sepang. Penambahan Pusat Kaunseling di daerah-daerah akan diangkat untuk pertimbangan sekiranya pusat kaunseling sedia ada digunakan sebaiknya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KHIDMAT BAS SELANGORKU PERCUMA (IPR 13)

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat perancangan atau peruntukkan baru bagi mempertingkatkan sistem pengangkutan di Negeri Selangor dengan khidmat Bas Selangorku Percuma?
- b) Sekiranya ya, apakah Kerajaan Negeri Selangor juga akan memperuntukkan dana bagi membantu Kerajaan Tempatan MBPJ dalam menambah bas-bas percuma?

JAWAPAN:

a) dan b)

Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang kini memasuki tahun ke-3 pelaksanaannya telah banyak memberi impak positif terhadap capaian jaringan pengangkutan awam lain khususnya dalam menghubungkan jaringan pengangkutan awam darat seperti komuter, BRT, LRT dan MRT. Kesalinghubungan di antara pengangkutan awam yang tersedia mampu mempertingkatkan sistem pengangkutan di Negeri Selangor. Dengan peruntukan sedia ada sebanyak RM30 juta pada tahun 2018, perancangan bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor ini di 11 PBT, tidak termasuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), akan diteruskan dengan perluasan laluan baru serta penambahan bas, manakala bagi perkhidmatan bas percuma PJCitybus yang disediakan oleh MBPJ adalah dengan menggunakan peruntukan Majlis berdasarkan kekukuhan kewangan MBPJ untuk menampung kos perkhidmatan bas tersebut. Sebanyak 8 laluan baru dengan 23 buah bas akan diperkenalkan pada tahun 2018 di kawasan pentadbiran Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Kajang, Ampang, Selayang, Sabak Bernam dan Hulu Selangor, manakala tambahan sebuah bas di pindaan laluan KS02 Majlis Daerah Kuala Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : RUMAH/ KAWASAN TERBIAR YANG DIPENUHI SEMAK SAMUN

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Rumah/kawasan terbiar penuh dengan semak samun telah mengakibatkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar. Kerajaan Tempatan (KT) mengalami kesukaran untuk memasuki kawasan tersebut untuk mengambil tindakan. Bolehkah Kerajaan Selangor meminda akta untuk memudahkan KT mengambil tindakan atau langkah proaktif untuk KT?

JAWAPAN:

- a) Antara tindakan yang boleh diambil ke atas kawasan terbiar yang menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar boleh diambil berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) tertakluk kepada Seksyen-seksyen berikut:-

i. Seksyen 74

Bagi kesalahan membiarkan rumah atau bangunan atau tanah atau mana-mana bahagiannya dalam keadaan kotor dan tidak baik atau diliputi tumbuhan-tumbuhan rimbun atau mudarat boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya;

ii. Seksyen 80

PBT boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap seseorang yang melakukan mana-mana kacau ganggu itu bagi menghapuskannya dan juga bagi mendapatkan ganti rugi;

Selain itu, tindakan secara terus juga boleh diambil di bawah Seksyen 81, 82 dan 110 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Untuk makluman, Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) kerana ianya tertakluk di bawah bidang kuasa Parlimen dan Undang-Undang Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENGAMBILAN TANAH BAGI SURAU AT TAQWANIAH DI KAMPUNG
PAYA JARAS HULU**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pihak JAIS akan menyelesaikan pembayaran pembelian tanah Surau At Taqwaniah yang telah diluluskan oleh Exco yang lepas?

JAWAPAN:

- a) Perbincangan Pengambilan Tanah bagi Tujuan Tapak Surau Al-Taqwaniah, Kampung Paya Jaras, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling telah diadakan pada 7 Jun 2018 dan pihak pemilik tanah telah bersetuju dengan tawaran yang telah dikemukakan oleh Pentadbir Tanah Daerah Petaling. Pembayaran pampasan bagi tujuan tersebut telahpun diproses dan dijangka dapat dibayar kepada pemilik tanah pada bulan September.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : KEMUDAHAN PANTAI MORIB

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Majlis Daerah Kuala Langat untuk meningkatkan kemudahan Pantai Morib?

JAWAPAN:

- a) Mengikut perancangan JPP : tambahan kemudahan tempat letak kereta Fasa 1 & Fasa 2. (Permohonan telah dipohon ke UPEN).
Perluasan kawasan mandi/riadah serta pengindahan.

Buat masa ini, kemudahan gerai jualan adalah mencukupi. Selain daripada gerai-gerai yang terdapat di medan selera, terdapat kiosk-kiosk kecil di sebelah surau Pantai Morib yang turut menjual makanan secara take-away. Oleh itu, pihak Majlis belum mempunyai perancangan untuk menambah bilangan gerai.

Pada tahun 2018 sebanyak 3 projek pencahayaan telah dipohon kepada UPEN (SPBT-Pelancongan). Senarai permohonan seperti lampiran di bawah.

BORANG PERANCANGAN TAHUNAN PELANCONGAN 2018
JABATAN : JABATAN KEJURUTERAAN

Bil	Projek	Anggaran Kos (RM)	Lokasi	Komponen / Skop Kerja
1.	Cadangan Pemasangan Lampu Highmast Di Pantai Morib, Banting, Kuala Langat.	290,160.00	Kawasan Dataran & Rekreasi Pantai Morib	3 Unit Lampu Highmast 25M Tinggi.
2.	Cadangan Memasang Lampu LED Column Light Di Persiaran Mestika, Pantai Morib, Banting, Kuala Langat.	192,800.00	Jalan Masuk Persiaran Mestika, Pantai Morib.	20 Unit Decorative Column Light.
3.	Cadangan Memasang Lampu 'Bollard' di Kawasan Rekreasi Pantai Morib, Banting, Kuala Langat	100,000.00	Kawasan Rekreasi Pantai Morib	50 Unit Bollard Light
JUMLAH		582,960.00		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : KECERIAAN, KEINDAHAN PEKAN MERU DAN PENCEROBOHAN TANAH
KERAJAAN**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyusun dan membangunkan semula pekan Meru supaya lebih kemas, tersusun dan sistematik pembangunannya?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyekat dan mengambil alih semula tanah-tanah Kerajaan Negeri serta status bangunan yang dibina secara haram di atasnya?

JAWAPAN:

- a) Mengikut Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 4) 2020, Pekan Meru dirancang sebagai pusat petempatan kecil yang mengandungi kawasan perumahan terancang, kawasan perniagaan dan juga kawasan perindustrian yang dijadikan sokongan pembangunan kepada penduduk sekitar. Adalah dirancang untuk Majlis Perbandaran Klang menyediakan Rancangan Kawasan Khas dalam menyediakan pelan pembangunan komprehensif untuk perancangan pembangunan jangka pendek.
- b) Diantara tindakan Majlis Perbandaran Klang ke atas bangunan yang dibina secara haram di atas tanah-tanah kerajaan adalah dengan memperkasakan tindakan penguatkuasaan dengan kerjasama Pejabat Tanah/Daerah Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : SUNGAI-SUNGAI DI SEMENYIH

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf sungai-sungai di Semenyih seperti Sungai Semenyih, Sungai Rinching, Sungai Beranang dan Sungai Sompoo?
- b) Apakah status setiap kerja-kerja di (a)?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf sungai-sungai di Semenyih dan status kerja berkenaan adalah seperti dibawah. Skop kerja penyelenggaraan adalah pemotongan rumput di tebing kiri dan kanan sungai.

- 1) Rancangan Tebatan Banjir Sg. Semenyih di Kampung Batu 3, Mukim Semenyih.
Tarikh Mula : 1/11/2016
Tarikh Siap : 4/4/2018
Status : SIAP SEPENUHNYA (100%)
Kos Kontrak : RM4,754,100.00
- 2) **Kerja-kerja berkala 2 kali setahun** di Mukim Semenyih.
 - Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Semenyih
 - Kerja-kerja Penyelenggaraan Sg. Purun
 - Kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan Semenyih Indah Dan Semenyih Mewah.
 - Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Broga di Kg. Baru Tarun
- 3) **Kerja-kerja berkala 2 kali setahun** di Mukim Beranang.
 - Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Rinching di Kg. Rinching Hilir
 - Kerja-kerja Penyelenggaraan Sg. Rinching di Kg Rinching Tengah
 - Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Rinching di Kg. Rinching Hulu
 - Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Jai di Kg. Sg. Jai
 - Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Beranang di Kg. Sesapan Batu Rembau

- Kerja-kerja Penyelenggaraan Sg. Beranang di Kg Sesapan Batu Minangkabau
- Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Solok di Kg. Sesapan Kelubi
- Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Jernih di Kg. Sesapan Batu Rembau
- Kerja-kerja Penyelenggaraan Sg. Beranang di Kg Kuala Pajam
- Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Beranang di Jalan Enam Kaki
- Kerja-kerja penyelenggaraan Sg. Sompom di Kg. Paya Tanjung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : JANGKITAN HFMD

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi membendung peningkatan jangkitan HFMD?
- b) Nyatakan perbandingan terkini kes HFMD di Selangor berbanding negeri-negeri lain.

JAWAPAN:

a) dan b)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Penyakit HMFHD Untuk Tahun Ini 2018 daripada Sementa. (Soalan No. 3)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar-dasar baharu PBT selepas PRU14?
- b) Apakah perancangan 5 tahun Kerajaan Negeri untuk setiap PBT di Selangor?

JAWAPAN:

a) dan b)

Antara dasar-dasar baharu PBT termasuk memperkasa golongan wanita dan NGO di mana perlantikan Ahli Majlis di kalangan wanita mencapai sebanyak 23% (65 orang) manakala pelantikan daripada kalangan NGO tidak melebihi 32% (89 orang).

Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran PBT di mana setiap ahli mesyuarat dalam jawatankuasa OSC, tender dan sebut harga perlu mengemukakan pengisytiharaan kepentingan terhadap mana-mana agenda mesyuarat yang berkenaan bagi memastikan tiada *conflict of interest* dan penyelewengan yang berlaku di kalangan ahli-ahli majlis di PBT. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bercadang supaya setiap PBT mengambil pendekatan inklusif yang melibatkan komuniti setempat dalam menyediakan sesuatu dasar PBT di mana para komuniti digalakkan untuk turut serta dalam pemberian input dan pandangan mereka.

Di samping itu, satu lagi pembaharuan dasar yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri adalah pengambilalihan urusan kutipan sampah dan pembersihan awam oleh GLC Kerajaan Negeri Selangor, iaitu KDEB Waste Management. Proses pengambilalihan tersebut sedang dijalankan secara berperingkat di mana sebanyak enam (6) PBT telah diambil alih oleh KDEB iaitu MBPJ, MPK, MPAJ, MPS, MPKj, dan MDKL.

Kerajaan Negeri juga akan memperluaskan penggunaan Aplikasi Tempat Letak Kereta sejajar dengan pembangunan *Smart State Selangor* untuk melahirkan sebuah negeri yang bebas daripada *paperless* dan *cashless*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : BAS SEKOLAH

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk memberikan perkhidmatan bas sekolah percuma bagi golongan yang kurang berkemampuan, mempunyai anak yang ramai terutamanya penduduk luar bandar?

JAWAPAN:

- a) Saya berterima kasih dan menyambut baik cadangan Yang Berhormat Jeram mengenai cadangan perkhidmatan bas sekolah percuma bagi golongan yang kurang berkemampuan dan mempunyai tanggungan yang ramai terutamanya penduduk luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat Jeram, buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tiada sebarang cadangan yang dikhususkan bagi pemberian perkhidmatan bas sekolah secara percuma kepada pelajar di luar bandar.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin akan mengekalkan Program Bantuan Sumbangan Subsidi Tambang Sekolah yang dahulunya diletakkan di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang. Untuk makluman Yang Berhormat Jeram, sasaran utama program ini adalah tertumpu kepada anak-anak pekerja ladang di Negeri Selangor yang juga merupakan golongan luar bandar. Program Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah adalah merupakan satu bentuk program bantuan di mana sumbangan sebanyak RM300.00 diberikan kepada setiap anak pekerja ladang yang membuat permohonan melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah dan sumbangan adalah diberikan secara tunai melalui satu majlis penyerahan. Program Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah juga adalah merupakan salah satu daripada Agenda Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang terbuka kepada mana-mana anak pekerja ladang ataupun bekas pekerja ladang yang bersekolah di Negeri Selangor sahaja. Program ini adalah bertujuan untuk meringankan bebanan penjaga yang terdiri dari kalangan pekerja ladang dalam membiayai sebahagian daripada kos tambang bas anak mereka ke sekolah.

Selain daripada Program Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru juga menyediakan perkhidmatan bas secara percuma yang dikenali sebagai Bas Smart Selangor. Perkhidmatan Bas Smart Selangor ini tidak disasarkan kepada golongan tertentu bahkan ianya terbuka

kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor dan ianya adalah percuma. Dalam usaha menggalakkan rakyat di negeri ini untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam, Kerajaan Negeri telah memperluaskan laluan Bas Smart Selangor ke tempat-tempat yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi termasuklah di luar bandar secara berperingkat.

Sehubungan itu, saya percaya jentera kerajaan sedia ada sentiasa mencari alternatif dan pandangan baru bagi memastikan kebajikan rakyat di negeri ini khususnya yang kurang berkemampuan terbela. Kerajaan Negeri juga sentiasa menambahbaik program-program sedia ada yang melibatkan perkhidmatan pengangkutan awam untuk menarik lebih ramai orang menggunakan kemudahan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : KEBAJIKAN WARGA LUAR BANDAR KHUSUSNYA KAWASAN DUN
SUNGAI AIR TAWAR**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan kebajikan rakyat luar bandar khususnya di kawasan DUN Sungai Air Tawar dibela sepenuhnya?
- b) Nyatakan apakah bentuk kebajikan yang hendak dilaksanakan di kawasan tersebut khususnya kebajikan petani dan nelayan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil peduli terhadap kebajikan rakyat secara keseluruhannya sejak tahun 2008 sebagaimana yang dilaksanakan melalui program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Kerjasama yang sentiasa diberikan oleh Pejabat DUN di seluruh Selangor sangat membantu dan dihargai oleh Kerajaan Negeri dalam melancarkan lagi program sedia ada demi mempertingkatkan kualiti hidup rakyat agar dapat menikmati hidup yang lebih sejahtera.

Ini dapat dilihat dengan pencapaian program-program IPR yang telah banyak membantu golongan yang kurang berkemampuan terutama di kawasan luar bandar untuk menerima manfaat yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Antara Program IPR yang telah diterima oleh masyarakat di DUN Sungai Air Tawar adalah seperti berikut :-

Bil	Program IPR	Bilangan penerima manfaat di DUN Sungai Air Tawar 2018
1.	Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)	929 orang penerima
2.	Insentif Perkahwinan Belia	123 orang penerima
3.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	1,547 orang penerima
4.	Skim Peduli Sihat	3,235 kad dengan 12,940 orang penerima manfaat
5.	Jom Shopping	Hari Raya Aidilfitri : 527 orang

Bil	Program IPR	Bilangan penerima manfaat di DUN Sungai Air Tawar 2018
		penerima Tahun Baru Cina : 387 orang penerima
6.	Bantuan Sihat Selangor (BSS)	5 orang penerima yang diluluskan
7.	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	45 orang penerima
8.	Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (ASUH PINTAR)	17 orang penerima
9.	Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)	61 orang penerima
10.	Program Tuisyen Rakyat Selangor	90 orang penerima

Justeru itu, dalam memastikan kebajikan luar bandar terus terbela, Kerajaan Negeri melalui Ahli Yang Berhormat selaku figura yang telah dipilih dan dekat dengan rakyat pastinya lebih memahami mengenai situasi, permasalahan dan keperluan rakyat di kawasan masing-masing. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus dan sentiasa mendengar dan membantu meringankan beban dan keluhan rakyat melalui ADUN sebagai perantara antara Kerajaan Negeri dan masyarakat.

- b) Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan Jabatan Perikanan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa program berbentuk bantuan peralatan bagi memastikan kebajikan golongan petani dan nelayan di Negeri Selangor termasuk di Kawasan DUN Sungai Air Tawar sentiasa diberikan perhatian. Bentuk bantuan tersebut seperti berikut:-

1. Jabatan Pertanian Negeri Selangor :-

- i. Pembangunan industri kelapa – skop bantuan yang diberikan adalah tanam semula kelapa, pemulihan dusun kelapa, serta bantuan bekalan baja, racun dan benih.
- ii. Ternakan madu kelulut – skop bantuan yang diberikan adalah log kelulut.
- iii. Industri Asas Tani – skop bantuan yang diberikan adalah bantuan peralatan maksimum RM20,000.00 bagi setiap peserta dan bantuan menaiktaraf bengkel maksimum RM50,000.00 bagi setiap peserta.
- iv. Tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, kontan atau herba – skop bantuan yang diberikan adalah baja, carun, anak pokok serta pembersihan Kawasan.

2. Jabatan Perikanan Negeri Selangor

- i. Bantuan peralatan menangkap ikan seperti jaring dan GPS;
- ii. Elaun Sara Hidup Nelayan;

- iii. Bantuan Subsidi Diesel Dan Petrol;
- iv. Insentif Pengisytiharan Hasil Tangkapan Nelayan;
- v. Bantuan Balik Pulih Rumah Nelayan;
- vi. Bantuan Bencana Dan Kebajikan Nelayan;
- vii. Pembinaan Dan Baik Pulih Kompleks / Jeti Nelayan;
- viii. Penyelenggaraan Kebun Ikan; dan
- ix. Bantuan Peralatan Akuakultur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2 (LRA LANGAT 2)

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan LRA Langat 2?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai jaminan bahawa projek tersebut mampu mengatasi masalah gangguan bekalan air di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Projek Langat 2 ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS) yang dahulunya Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Mengikut perancangan, apabila loji Langat 2 ini siap sepenuhnya (Fasa 1 dan Fasa 2), ia boleh membekalkan air terawat sebanyak 2,260 JLH. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan adalah hanya untuk Loji Langat 2 Fasa 1 yang dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2022 dengan pengeluaran air terawat berkapasiti 1,130 JLH. Walau bagaimanapun, Loji Langat 2 ini dijadualkan akan membekalkan air terawat secara berperingkat-peringkat bermula pada akhir tahun 2018.

Daripada kapasiti 1,130 JLH air terawat yang akan dikeluarkan oleh LRA Langat 2, sebanyak 843 JLH akan dibekalkan ke kawasan Koridor Barat meliputi kawasan Kuala Lumpur Selatan, Puchong, Cheras dan Bandar Kinrara. Manakala bakinya sebanyak 287 JLH akan dibekalkan ke kawasan Koridor Utara yang meliputi Kawasan Ampang, Kuala Lumpur Timur dan Kuala Lumpur Utara.

Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi dari Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), secara keseluruhannya kemajuan fizikal di tapak setakat bulan Ogos 2018 adalah 61% berbanding yang dijadualkan sebanyak 77%

Bagi pembinaan loji, kerja-kerja pembinaan telah mencapai 95% berbanding jadual 100%. Dalam melaksanakan pembinaan loji, ia telah pecahkan kepada dua *stream*, *Stream A* dan *Stream B*. Setiap *stream* dipecahkan kepada Seksyen 1 dan Seksyen 2. *Stream A* dengan kapasiti 565 JLH telah siap dan sedia untuk menjalani kerja-kerja pengujian dan pentauliahan (*Testing & Commissioning (T&C)*) pada bulan November 2018. Setelah T & C ini tamat, *Stream A* ini akan bermula menyalurkan air terawat kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor)

untuk dibekalkan kepada pengguna. Walaupun *Stream A* ini mempunyai kapasiti 565 JLH, jumlah air yang akan dibekalkan oleh Air Selangor kepada pengguna adalah sebanyak 325 JLH kerana terdapat kekangan di dalam paip agihan. Air bersih sebanyak 325 JLH air ini akan di bekalkan ke kawasan KL Selatan dan Pusat Bandar KL.

- b) Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa gangguan bekalan air berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya seperti berikut:-
- i. Penutupan loji disebabkan oleh pencemaran sumber air mentah akibat minyak diesel yang berpunca dari kawasan industri seperti pencemaran Sungai Gong, Rawang yang berlaku pada 30 Ogos 2013 menyebabkan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 serta Rantau Panjang;
 - ii. Insiden pencemaran manganese pada 15 Februari 2015 berlaku di kawasan Sungai Purun, Semenyih disyaki dilakukan oleh kilang-kilang berhampiran manakala baru-baru ini, insiden yang sama berlaku di Sungai Lalang dan Sungai Buah, berpunca dari sikap masyarakat sama ada sengaja ataupun tidak sengaja.
 - iii. Pencemaran bau di Sungai Semenyih juga telah menyebabkan loji terpaksa dihenti tugas;
 - iv. Penutupan loji disebabkan oleh gangguan bekalan elektrik kerosakan peralatan loji, penyelenggaraan berjadual loji;
 - v. Kerosakan paip induk yang disebabkan oleh pihak ketiga; dan
 - vi. Musim kemarau luar biasa yang boleh menjejaskan pengeluaran air dan meningkatkan permintaan air.

Namun begitu, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa Loji Rawatan Air Langat 2 boleh membantu di dalam mengurangkan gangguan bekalan air tetapi bukanlah merupakan satu satunya faktor yang boleh menyelesaikan masalah gangguan bekalan air di Negeri Selangor.

Bagi menyelesaikan isu gangguan bekalan air, Negeri Selangor tidak hanya mampu bergantung kepada satu sumber dari Negeri Pahang sahaja sebaliknya telah mengambil langkah pro aktif menerokai air di hiliran sungai sebagai sumber bekalan air dan mengenalpasti sumber-sumber baru untuk menghasilkan air terawat dan menetapkan dasar 15% rezab air bersih bagi memastikan kelestarian bekalan air kepada pengguna dan industri.

Selain dari meningkatkan sumber bekalan air dalam langkah mengurangkan gangguan, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil pendirian supaya perkhidmatan air diuruskan dengan mendukung prinsip-prinsip ketelusan, akauntabiliti, efisien yang didokong oleh Kerajaan Negeri sebagai kerajaan yang adil, bertanggungjawab dan peduli rakyat. Kerajaan Negeri memandang serius dan sedar bahawa keselamatan berkenaan air (*water security*) masa kini adalah merupakan satu perkara yang perlu ditangani melalui perancangan bijaksana.

Namun demikian, sebagai sebuah negeri yang pesat membangun, adalah dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi untuk tempoh 20 tahun akan datang. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Adalah dijangkakan dalam keadaan yang sedemikian, Kerajaan Negeri Selangor akan menghadapi masalah kekurangan bekalan air. Justeru itu, perancangan holistik untuk pembangunan sumber bekalan air hendaklah terus diberikan keutamaan bagi memastikan kelestarian dan kecukupan bekalan air untuk menampung permintaan masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : STATUS TERKINI PERBELANJAAN DAN PROGRAM-PROGRAM
INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR)**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula serta menambah baik program-program yang sedia ada?
- b) Apakah status pembangunan data bersepadu dari sumber IPR, LZS serta JKM dan adakah ianya boleh diakses oleh semua wakil rakyat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri akan sentiasa dari semasa ke semasa membuat tambah baik terhadap nilai dan keberkesanan terhadap program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) sedia ada untuk memastikan kebajikan rakyat di Selangor akan terus dipelihara dan hasil negeri dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Penyelarasan program-program di bawah Kerajaan Negeri juga akan dilaksanakan dengan program di bawah Kerajaan Persekutuan agar dapat dielakkan pertindihan di dalam menetapkan sasaran, objektif, tujuan, matlamat dan bentuk program yang sama.

Program-program yang akan ditambahbaik ini akan meliputi dengan program-program pengupayaan seperti pembangunan insan dan pendidikan supaya rakyat di Selangor mampu untuk meneruskan kelangsungan hidup tanpa kebergantungan terhadap bantuan Kerajaan Negeri sahaja.

- b) Kerajaan Negeri Selangor akan membangunkan projek Sistem Smart IPR pada tahun 2018, di mana ianya merupakan satu Portal Gerbang Perkhidmatan Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) atas talian disediakan bagi tujuan pengumpulan data penerima yang memperoleh kelulusan dan ditawarkan program IPR untuk dikongsi bersama agensi Kerajaan Negeri dan boleh diakses oleh semua wakil rakyat khususnya dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat negeri Selangor.

Status terkini projek tersebut adalah masih dalam peringkat penilaian teknikal dan kewangan bagi tujuan pemilihan syarikat yang berkelayakan untuk membangunkan projek sistem Smart IPR tersebut dalam tempoh 1 tahun.